

26 JUN 1998

DPMMPP SOKONG DAIM JADI MENTERI

PULAU PINANG, 26 Jun (Bernama) -- Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Pulau Pinang (DPMMPP) menyokong penuh pelantikan Tun Daim Zainuddin sebagai Menteri Tugas-tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Yang Dipertuanya, Datuk Abdul Rahman Maidin dalam satu kenyataan di sini hari ini berkata, dewan itu yakin dengan pengalaman luas dan kepakaran beliau dalam bidang perniagaan.

Sehubungan itu, beliau akan dapat memberi sumbangan berkesan terhadap usaha kerajaan untuk menangani krisis ekonomi yang melanda negara sekarang.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan bahawa pelantikan Daim sebagai Menteri bukan bertujuan menyelesaikan "kegawatan politik" tetapi kegawatan ekonomi yang melanda negara sekarang dan beliau akan memegang jawatann itu sehingga kegawatan ekonomi itu berakhir.

-- BERNAMA

AHM RI